

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOHN AMBROSE

TARIKH : 25 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang harga tiket kapal terbang MASWINGS yang diberikan subsidi oleh Kementerian Pengangkutan tetapi merupakan harga tiket kapal terbang paling mahal dalam negara dari Labuan - Kota Kinabalu - Labuan (kos sehala ialah RM196.00 untuk penerbangan selama 25 minit).

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak di bawah laluan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Perkara ini juga terpakai terhadap kadar tambang yang dikenakan bagi laluan Kota Kinabalu – Labuan, yang juga merupakan salah satu laluan RAS iaitu sebanyak RM137 sahaja. Walau bagaimanapun, harga siling ini adalah tidak termasuk bayaran cukai dan lain-lain caj.
2. Kajian semula siling kadar tambang ini akan dilaksanakan dari masa ke semasa dan ia ditetapkan berdasarkan persetujuan bersama di antara Kementerian Pengangkutan, MAVCOM dan operator mengikut keperluan semasa. Kerajaan akan memaparkan harga siling tambang bagi setiap laluan setelah kajian dilaksanakan dari semasa ke semasa.
3. Berkaitan subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada MASwings, adalah perlu untuk difahami bahawa subsidi yang disediakan adalah bagi menampung kerugian oleh MASwings yang melaksanakan perkhidmatan udara luar bandar tersebut sebagai memenuhi Obligasi Perkhidmatan Awam dan bukanlah secara terus kepada harga tambang. Sekiranya harga yang lebih rendah ditetapkan oleh Kerajaan dan MASwings bagi penerbangan luar bandar ini, kerugian MASwings akan meningkat dan seterusnya menyebabkan bebanan subsidi yang lebih tinggi kepada Kerajaan.
4. Walau bagaimanapun, sebagai usaha untuk tidak membebangkan rakyat, Kerajaan akan tetap memantau dan menetapkan siling kepada harga tambang ini agar kemudahan ini dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan luar bandar pada kadar harga yang munasabah.

Sekian, terima kasih.